



JURNAL BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/rentas>

How to cite this article:

Nuraini Jufri & Maslida Yusof. (2026). Variasi dan proses morfologi kata dasar berunsur intelek dalam komen Facebook. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 5(1), 210-225. <https://doi.org/10.32890/rentas2026.5.1.12>

VARIASI DAN PROSES MORFOLOGI KATA DASAR BERUNSUR INTELEK DALAM KOMEN FACEBOOK

(Variations and Morphological Processes of Intellect-Based Root Words in Facebook Comments)

¹Nuraini Jufri & Maslida Yusof

Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

¹Corresponding author: nurainijufri050300@gmail.com

Received: 14/01/2026

Revised: 03/03/2026

Accepted: 27/05/2026

Published: 31/7/2026

ABSTRAK

Perkembangan teknologi dan peningkatan penggunaan media sosial telah mewujudkan ruang komunikasi yang lebih terbuka, sekali gus menyumbang kepada kelaziman penggunaan kata kasar dalam komunikasi digital. Kajian ini meneliti variasi bentuk dan proses pembentukan kata kasar berunsur intelek bahasa Melayu seperti *bodoh*, *bangang*, *bengap*, *bongok*, *bebal*, *bahlul*, *bingai* dan *gila* dalam interaksi pengguna di Facebook. Data dikumpulkan secara kualitatif melalui kaedah pengikisan web terhadap komen-komen dalam tiga hantaran tular di Facebook antara Januari hingga Mac 2025. Sebanyak 4,007 komen telah dianalisis dengan bantuan perisian AntConc versi 4.3.1 untuk mengenal pasti bentuk dan variasi kata kasar berunsur intelek serta kekerapan kemunculannya. Dapatan menunjukkan bahawa *bodoh* merupakan bentuk paling dominan dengan pelbagai variasi seperti *bodo*, *bodohnya* dan *kebodohan* diikuti oleh kata lain seperti *bangang* yang hadir dalam variasi ejaan seperti *banggang* dan *vanggang* serta *gila* yang hadir dalam bentuk seperti *gile*, *giler*, *gilaa* dan *gilak*. Analisis mengenal pasti empat proses utama pembentukan kata kasar berunsur intelek, iaitu penyingkatan, penggandaan, pengimbuhan dan peminjaman. Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa pembentukan kata kasar di media sosial merupakan proses yang kompleks dan dinamik, sekali gus memberikan sumbangan bermakna kepada bidang linguistik dalam memahami perubahan bentuk dalam komunikasi digital. Penemuan ini diharap dapat mengkayakan khazanah ilmu bahasa Melayu, khususnya dalam bidang morfologi selain memahami penggunaan kata kasar dalam komunikasi digital masyarakat masa kini.

Kata Kunci: Kata kasar, komunikasi digital, media sosial, pembentukan kata, variasi kata.

ABSTRACT

The development of communication technology and the increasing use of social media have created a more open communication space, thus contributing to the prevalence of the use of offensive words in digital communication. This study examines variations in the forms and morphological processes of offensive words in Malay regarding intellectual ability such as bodoh, bangang, bengap, bongok, bebal, bahlul, bingai and gila in user interactions on Facebook. Data was collected qualitatively through web scraping methods on comments in three viral posts from January to March 2025. A total of 4,007 comments were analyzed with the help of the AntConc software version 4.3.1 to identify the forms and variations of offensive words on intellectual ability and their frequency of appearance. Findings show that bodoh is the most dominant form with variations such as, bodo, bodohnya and kebodohan; followed by bangang with spelling variations such as banggang and vanggang; while gila can also appear as gile, giler, gilaa and gilak. The analysis identifies four main processes involved in forming offensive words about intellectual ability, namely contraction, multiplication, affixation and borrowing. Overall, this study proves that the formation of offensive words of bodoh, bangang and gila on social media is a complex and dynamic process, thus contributing to the enrichment of linguistic knowledge, particularly to the study of Malay morphology, but also towards the understanding of the changing forms of digital communication, namely the use of offensive words.

Keywords: *Offensive words, digital communication, social media, word formation, word variation.*

PENGENALAN

Era digital telah mengubah cara masyarakat berkomunikasi, terutama melalui penggunaan platform media sosial yang menjadi ruang utama interaksi sosial. Dunia kini berada dalam arus kecanggihan teknologi komunikasi yang dapat dimanfaatkan oleh semua lapisan masyarakat (Darwalis Sazan, 2025). Platform media sosial seperti Instagram, X (dahulunya dikenali sebagai Twitter), Facebook dan TikTok menjadi ruang komunikasi utama yang membenarkan pengguna berinteraksi dengan lebih bebas tanpa batasan norma bahasa tradisional. Ketiadaan kawalan linguistik yang ketat dalam ruang maya telah membuka ruang kepada penggunaan bahasa yang bersifat spontan, tidak formal dan melanggar norma kesantunan berbahasa. Kebebasan bersuara dalam ruang maya ini turut melahirkan isu penggunaan bahasa kasar yang semakin berleluasa dalam komunikasi digital (Nur Iffah Zulhairi & Junaidi Kasdan, 2022). Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005), bahasa kasar merujuk bahasa yang tidak sopan atau tidak manis dituturkan atau digunakan. Takrifan ini menunjukkan bahawa bahasa kasar bukan sekadar isu linguistik, malah berkait rapat dengan nilai sosial dan budaya masyarakat. Tambahan pula, penggunaan ungkapan kasar dalam media sosial turut mengikis nilai kesantunan yang menjadi teras budaya komunikasi dalam masyarakat Malaysia. Implikasinya, bahasa Melayu yang terkenal dengan ciri kesantunannya berisiko kehilangan imej positif dan tidak lagi dihormati sebagai bahasa yang berwibawa (Anni Holilah Syahuddin, 2024).

Bahasa kasar tergolong dalam kategori bahasa tabu, iaitu bentuk bahasa yang dianggap melanggar norma kesantunan dan nilai sosial sesuatu masyarakat (Mohammad Zakuan Tuan Ibharim & Khairul Faiz Alimi, 2022). Bentuk bahasa ini terdiri daripada pelbagai jenis termasuk bahasa kasar berunsur intelek, iaitu bentuk kata yang lazimnya digunakan untuk merendah-rendahkan tahap pemikiran, kebijaksanaan atau keupayaan kognitif seseorang. Dalam konteks komunikasi digital, kata kasar berunsur intelek sering digunakan untuk pelbagai tujuan sama ada untuk penghinaan secara langsung, sindiran halus mahupun sebagai ungkapan emosi yang berlebihan dalam perbualan. Keadaan ini

dipengaruhi oleh sifat anonim dan jarak sosial dalam komunikasi maya yang mengurangkan rasa tanggungjawab penutur terhadap implikasi tuturannya. Contoh kata kasar berunsur intelek yang kerap digunakan di media sosial termasuk *bodoh*, *bangang*, *bengap*, *bongok*, *bebal*, *bahlul*, *bingai* dan *gila*. Sifat komunikasi digital yang pantas dan interaktif menjadikan kata-kata ini mudah tersebar serta diulang guna oleh pengguna lain. Kata-kata ini boleh mengalami pengubahsuaian daripada bentuk asal untuk menyesuaikan dengan gaya dan nada perbualan seperti penekanan emosi atau sekadar mencipta kelainan yang unik. Proses ini secara tidak langsung menyumbang kepada pembentukan norma bahasa baharu dalam ruang komunikasi digital. Hasilnya, wujud pelbagai variasi kata kasar berunsur intelek yang menunjukkan kreativiti pengguna bahasa dalam membentuk identiti dan gaya komunikasi mereka dalam ruang maya.

Fenomena variasi ini menunjukkan bahawa pengguna bahasa dalam media sosial tidak sekadar meniru kata asal, tetapi turut memberi penekanan emosi dan ekspresi identiti diri melalui pengulangan huruf atau perubahan bentuk kata. Penggunaan variasi dalam komen warga maya di platform Facebook memperlihatkan satu fenomena linguistik menarik dalam interaksi digital. Keadaan ini dipengaruhi oleh sifat komunikasi dalam talian yang bersifat spontan dan tidak formal. Variasi tersebut turut berfungsi untuk menyesuaikan kata kasar berunsur intelek dengan gaya bahasa yang lebih ringkas, unik dan bersesuaian dengan pola komunikasi media sosial yang pantas, singkat serta sering dijadikan oleh trend semasa (Suganda *et al.*, 2022). Kewujudan variasi kata dalam bahasa terbentuk melalui kaedah tertentu yang merangkumi pelbagai proses pembentukan kata. Hal ini memperlihatkan kreativiti pengguna dalam mengolah bentuk asal untuk disesuaikan dengan konteks komunikasi digital.

Pembentukan kata merupakan suatu topik yang menarik untuk diteliti kerana setiap bahasa semestinya mempunyai kaedah tertentu untuk membentuk kata. Bidang morfologi ialah bidang yang mengkaji tentang pembentukan kata, khususnya kaedah penyusunan bunyi atau lambang untuk membentuk unit minimal yang bermakna dalam bahasa. Dalam konteks bahasa Melayu, unit minimal tersebut seterusnya boleh melalui proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan. Menurut Abdullah Hassan (2007), morfologi merupakan cabang linguistik yang meneliti pembinaan perkataan, unsur-unsur yang membentuknya, proses pembentukan dan pelbagai jenis bentuk kata yang dihasilkan. Analisis morfologi bukan sahaja penting untuk memahami struktur bahasa secara teori malah membolehkan penelitian dilakukan terhadap pembentukan perkataan baharu serta norma sosial dalam penggunaan bahasa. Walau bagaimanapun, sehingga kini masih terdapat jurang pengetahuan dalam memahami proses pembentukan dan variasi kata kasar berunsur intelek dalam konteks komunikasi digital berbahasa Melayu. Oleh yang demikian, persoalan tentang perkaitan antara norma kesantunan dengan pembentukan kata kasar di ruang maya mampu dihuraikan dengan meneliti variasi dan proses pembentukan kata tersebut. Kajian-kajian lepas lebih tertumpu kepada penggunaan bahasa kasar secara umum, namun analisis mendalam terhadap mekanisme morfologi dan variasi bentuk kata kasar berunsur intelek masih memerlukan perhatian serius.

Platform Facebook dipilih sebagai fokus kajian kerana sifatnya yang membenarkan interaksi yang lebih panjang dan terperinci berbanding platform lain seperti TikTok atau Instagram, justeru menyediakan data yang lebih kaya dan beragam untuk analisis pembentukan kata kasar berunsur intelek. Ciri ini menjadikan Facebook sesuai sebagai sumber untuk meneliti konteks penggunaan bahasa yang kompleks, yang merangkumi interaksi antara pelbagai lapisan umur, latar belakang pendidikan dan kepelbagaian sosial yang mempengaruhi gaya berbahasa. Selain itu, Facebook merupakan platform kedua paling popular dengan pelbagai lapisan masyarakat di Malaysia selepas YouTube; menjadikannya representatif untuk kajian bahasa dalam konteks tempatan (DataReportal, 2025). Sehubungan dengan kepentingan memahami fenomena ini, penyelidikan ini dijalankan dengan dua

objektif utama. Pertama, mengenal pasti variasi bentuk kata kasar berunsur intelek dalam media sosial Facebook. Kedua, menjelaskan proses pembentukan kata kasar berunsur intelek dalam media sosial Facebook. Pencapaian objektif diharapkan dapat memberikan perspektif yang lebih menyeluruh tentang perkembangan norma linguistik dalam ruang maya secara umum, dan juga tentang kreativiti pengguna bahasa berinteraksi dengan trend komunikasi digital semasa, khususnya. Selain itu, perbincangan diharapkan mampu menyumbang kepada pemahaman yang lebih komprehensif mengenai evolusi bahasa Melayu dalam konteks komunikasi maya.

SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur ini menghimpunkan dan mensintesis penelitian terdahulu yang mengkaji bahasa kasar dalam wacana digital bagi mengenal pasti kecenderungan penyelidikan serta ruang kajian yang masih kurang diterokai. Justeru, kajian-kajian lepas dibincangkan secara terancang bagi memperlihatkan perkembangan perbincangan dalam bidang ini. Kajian awal berkaitan bahasa kasar berakar daripada perbincangan tentang konsep ketidaksantunan dalam bidang pragmatik khususnya melalui kerangka teori yang dikemukakan oleh Culpeper (1996; 2011). Melalui kerangka ini, bahasa kasar tidak dilihat semata-mata sebagai pelanggaran terhadap norma kesantunan, sebaliknya difahami sebagai suatu strategi komunikasi yang membawa implikasi sosial dan pragmatik tertentu bergantung pada konteks penggunaannya. Seiring dengan perkembangan landskap komunikasi, kerangka ketidaksantunan ini telah diaplikasikan secara meluas untuk menjelaskan cara bahasa kasar ditafsir, dinilai dan difungsikan dalam interaksi moden termasuk dalam wacana digital yang bersifat lebih terbuka serta kurang terikat kepada konvensi formal. Dalam konteks ini, penyelidik turut menegaskan bahawa medium digital mempengaruhi cara penutur mengekspresikan ketidaksantunan melalui ciri-ciri seperti anonim, jarak sosial dan kelonggaran norma interaksi. Oleh itu, bahasa kasar dalam wacana digital perlu difahami sebagai fenomena linguistik yang bersifat dinamik dan kontekstual selari dengan perubahan amalan komunikasi dalam masyarakat kontemporari.

Dalam konteks komunikasi berperantara komputer, kajian oleh Hardaker (2010) menegaskan bahawa bahasa kasar dalam wacana digital tidak boleh ditafsir secara langsung berdasarkan bentuk linguistik semata-mata, sebaliknya perlu difahami melalui niat penutur, tafsiran penerima dan norma komuniti maya yang terbentuk. Kajian tersebut menunjukkan bahawa ketidaksantunan dalam talian sering bersifat kabur dan bergantung pada rundingan makna antara peserta interaksi, sekali gus mencabar pandangan tradisional yang melihat bahasa kasar sebagai fenomena yang bersifat statik. Walau bagaimanapun, tumpuan kajian Hardaker (2010) lebih menjurus kepada aspek pragmatik interaksi tanpa memberi perhatian terperinci terhadap kepelbagaian bentuk linguistik yang digunakan dalam wacana digital. Seterusnya, Dynel (2015) memperluas perbincangan ini dengan menekankan bahawa medium digital membolehkan bahasa kasar digunakan bukan sahaja untuk menyerang, tetapi juga untuk tujuan humor, solidariti dan pembinaan identiti sosial. Selain itu, beliau juga menekankan bahawa penilaian terhadap bahasa kasar dalam talian sering dipengaruhi oleh jangkaan bersama dalam komuniti digital tertentu, yang mana bentuk bahasa yang dianggap tidak santun dalam konteks luar talian boleh ditafsir secara berbeza dalam persekitaran maya.

Penelitian terkini menunjukkan bahawa fenomena bahasa kasar dalam wacana digital terus menarik perhatian penyelidik dalam pelbagai konteks sosial dan platform media sosial. Sebagai contoh, kajian oleh Pung dan Siti Nur Amira Mohd Faizal (2023) meneliti strategi ketidaksantunan dalam ciapan balasan pengguna Malaysia terhadap isu COVID-19, dengan dapatan bahawa strategi seperti berterusterang (*bald-on-record*), ketidaksantunan positif (*positive impoliteness*), ketidaksantunan negatif

(*negative impoliteness*) dan sarkasme digunakan secara meluas dalam interaksi dalam talian, mencerminkan norma sosial dan emosional mempengaruhi ekspresi bahasa kasar dalam konteks komuniti tempatan. Selain itu, kajian oleh Widya Murti *et al.* (2024) dalam wacana politik di TikTok menunjukkan bahawa netizen menggunakan pelbagai strategi ketidaksantunan untuk menyampaikan kritikan politik. Bentuk ketidaksantunan seperti humor pahit (*dark humor*), sarkasme dan ketidaksantunan positif menjadi kategori paling dominan, sekali gus menunjukkan bahawa bentuk dan fungsi bahasa kasar berubah mengikut tujuan komunikatif dan konteks platform digital. Kajian-kajian ini menegaskan bahawa media digital bukan sahaja menjadi ruang ekspresi spontan, tetapi juga membentuk cara netizen mengatur bahasa kasar sebagai respons terhadap isu sosial, politik dan budaya serta memerlukan pendekatan analitik yang mempertimbangkan aspek pragmatik dan sosiolinguistik dalam penafsiran wacana tersebut.

Perbincangan mengenai variasi bentuk bahasa kasar dan kreativiti linguistik dalam wacana digital menunjukkan bahawa pengguna media sosial tidak sekadar mengulangi bentuk makian tradisional, tetapi turut mencipta bentuk linguistik baharu yang kompleks dan kontekstual sebagai respons terhadap dinamika komunikasi digital. Sebagai contoh, kajian oleh Hishamudin Isam (2025) tentang fenomena *algospeak* di platform X menggambarkan bahawa netizen menggunakan variasi kod bahasa yang dimodifikasi seperti ejaan kreatif dan simbol pengganti untuk menyampaikan isi kritikal atau kontroversial tanpa dikesan oleh sistem penapisan algoritma, sekaligus menunjukkan kreativiti linguistik yang tinggi dalam pembentukan bentuk ekspresi baharu dalam interaksi digital. Sementara itu, kajian oleh Wan Mohd Muzani dan Mohammad Lotfie (2024) tentang neologisme morfologi di TikTok mendapati bahawa slanga atau istilah baharu dibentuk melalui proses seperti pengimbuhan, pemajmukan, ejaan kreatif (*creative respelling*) dan pergeseran semantik. Dapatan ini menunjukkan pembentukan perkataan baharu bukan sahaja mencerminkan kreativiti pengguna tetapi juga menjadikan bahasa berupaya memenuhi fungsi sosial tertentu dalam kalangan pengguna digital yang lebih muda. Kajian ini menekankan bahawa pembentukan variasi bahasa kasar dan slanga digital bukan fenomena kebetulan, tetapi sebahagian daripada inovasi linguistik yang berakar dalam interaksi pengguna dan struktur media sosial itu sendiri.

Kajian tentang variasi dan pembentukan kata kasar dalam wacana digital menjadi relevan dan perlu kerana wacana digital merupakan medan utama interaksi sosial yang membentuk cara manusia berkomunikasi secara meluas di peringkat global dan tempatan. Walaupun kajian terdahulu telah banyak meneliti aspek dan strategi ketidaksantunan serta fungsi sosial bahasa kasar, masih terdapat kekosongan yang boleh diisi dalam kepustakaan bidang linguistik berhubung variasi bentuk bahasa kasar dan mekanisme linguistik khusus dalam pembentukan kata baharu dalam talian. Justeru, kajian ini berupaya mengisi jurang tersebut dengan meneliti proses kreatif pengguna dalam mencipta bentuk baharu termasuk neologisme, ejaan inovatif dan variasi morfologi yang tidak semata-mata berfungsi sebagai ekspresi emosi tetapi sebagai komponen strategi komunikasi yang kompleks dan terstruktur. Fenomena ini amat ketara dalam platform digital kerana pengguna sering menyesuaikan bahasa mereka mengikut norma komuniti maya, tekanan algoritma dan dinamik sosial yang berbeza berbanding interaksi luar talian. Selain itu, penyelidikan ini berpotensi untuk memperkukuh kefahaman tentang hubungan antara teori linguistik, pragmatik dan sosiolinguistik dalam era digital serta memberi sumbangan kepada kajian bahasa yang bersifat kontemporari dan boleh terap. Dengan itu, kajian ini bukan sahaja memperkaya teori tetapi juga menawarkan implikasi praktikal dalam memahami komunikasi digital secara mendalam.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi analisis kandungan terhadap data berbentuk teks yang diperoleh daripada komen warga maya di platform Facebook. Analisis dijalankan berdasarkan kerangka Teori Ketidaksantunan oleh Culpeper (1996; 2011). Menurut Culpeper (2011, hal. 23),

“Impoliteness is a negative attitude towards specific behaviors occurring in specific contexts... such behaviours... are considered ‘impolite’ when they conflict with how one expects them to be, how one wants them to be and/or how one thinks they ought to be... they cause or are presumed to cause offence.”

Teori ini menjelaskan bahawa ketidaksantunan boleh berlaku melalui penggunaan ungkapan yang menyerang identiti dan keupayaan seseorang termasuk penghinaan yang merendahkan tahap intelektual individu. Berdasarkan kerangka teori ini, kata-kata seperti *bodoh*, *bangang*, *bongok*, *bebal* dan *bengap* dikategorikan sebagai kata kasar berunsur intelek kerana makna semantik kata-kata tersebut merujuk kepada kekurangan kebolehan berfikir atau tahap kecerdasan seseorang.

Data dikumpulkan menggunakan teknik pengikisan web dalam tempoh tiga bulan, iaitu dari Januari hingga Mac 2025 untuk memastikan data yang diperoleh mencerminkan interaksi semasa dan konteks isu yang relevan. Kajian ini menggunakan strategi persampelan bertujuan, iaitu pemilihan data dilakukan secara bertujuan terhadap hantaran tular yang berkaitan dengan isu politik, sosial dan agama. Hantaran tersebut dikenal pasti berdasarkan metrik keterlihatan yang tinggi seperti jumlah perkongsian, sukaan dan komen. Pendekatan ini membolehkan penyelidik menumpukan perhatian kepada kandungan yang berpotensi tinggi mempengaruhi interaksi digital dan ekspresi bahasa kasar. Pengikisan web dilaksanakan dengan menggunakan *Application Programming Interface* (API) Facebook, iaitu antara muka pengaturcaraan aplikasi rasmi yang disediakan oleh Facebook bagi membolehkan penyelidik mengakses dan mengekstrak data secara sistematik. Akses ini memerlukan token akses sebagai kod pengesahan yang berfungsi sebagai kunci digital untuk membenarkan skrip atau perisian berkomunikasi dengan pelayan Facebook. Token ini memastikan hanya data yang dibenarkan dapat diakses mengikut kebenaran yang diberikan, sekali gus menjamin keselamatan dan kesahihan dan integriti proses pengumpulan data, terutamanya data sensitif atau bersifat peribadi.

Data yang diperoleh melalui proses pengikisan, kemudiannya melalui pembersihan bagi menyingkirkan komen yang berulang, tidak relevan atau bersifat spam, bagi memastikan analisis selanjutnya berfokus kepada data yang sahih dan berkualiti. Data yang telah dibersihkan seterusnya dianalisis menggunakan perisian AntConc versi 4.3.1, iaitu perisian analisis korpus yang digunakan untuk menghasilkan senarai perkataan berdasarkan kekerapan kemunculannya dalam teks. Fungsi ini diaplikasikan bagi mengenal pasti kekerapan penggunaan kata kasar serta variasi bentuknya dalam data komen yang dikumpulkan. Jadual 1 memaparkan senarai hantaran tular yang dipilih sebagai sampel kajian berdasarkan kriteria persampelan yang telah ditetapkan, sekali gus memberikan asas yang kukuh untuk perbincangan lanjut mengenai variasi bentuk dan pembentukan kata kasar dalam interaksi digital. Pendekatan ini membolehkan kajian ini menyumbang kepada pemahaman linguistik yang lebih mendalam tentang fenomena bahasa dalam media sosial.

Jadual 1

Senarai Hantaran Facebook yang Dipilih sebagai Data Kajian

Bil	Profil	Tajuk/Isu	Tarikh	Jumlah Komen	Tema
1.	Sinar Harian	Memukul dan menyeret mangsa walau sudah minta maaf, amarah hilangkan kemanusiaan	18 Januari 2025	959	Sosial
2.	Sinar Harian	'Jangan besar-besarkan isu DJ Era' - Pengaruh India	06 Mac 2025	1,822	Agama
3.	FMT	Biografi Hannah Yeoh: Sasaran Kristian	16 Januari 2025	1,226	Politik
Jumlah Komen				4,007	

Berdasarkan Jadual 1, sejumlah 4,007 komen telah dikumpulkan daripada tiga hantaran tular yang dipilih mengikut kriteria persampelan bertujuan. Hantaran bertema agama mencatatkan jumlah komen tertinggi, iaitu sebanyak 1,822 komen, diikuti tema politik sebanyak 1,226 komen dan tema sosial sebanyak 959 komen. Perbezaan ini memberikan gambaran tentang isu yang paling mencetuskan interaksi dan respon masyarakat dalam konteks media sosial. Data ini menjadi asas kepada analisis kandungan yang merangkumi pengenalanpastian kekerapan penggunaan kata kasar, variasi bentuk serta proses pembentukannya dalam interaksi warga maya di media sosial. Dengan demikian, data ini menyediakan asas empirikal yang kukuh untuk memahami dinamika bahasa kasar dalam media sosial secara mendalam.

HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan analisis terhadap data yang telah dikumpulkan serta memaparkan hasil penemuan kajian mengenai variasi kata kasar berunsur intelek dan proses pembentukannya dalam komen pengguna di platform media sosial Facebook. Data yang dianalisis terdiri daripada komen-komen yang mengandungi kata kasar berunsur intelek yang telah dikategorikan mengikut jenis variasi dan proses pembentukan kata yang terlibat. Berdasarkan analisis, kajian ini mengenal pasti lapan jenis kata kasar berunsur intelek dalam data. Setiap kata kasar direkodkan bersama kekerapan kemunculan dan peratusannya daripada jumlah keseluruhan data. Berdasarkan kerangka Teori Ketidaksantunan oleh Culpeper (1996; 2011), kata-kata ini dikategorikan sebagai ekspresi ketidaksantunan yang menyerang tahap intelektual individu. Maklumat ini diringkaskan dalam Jadual 2 yang turut menunjukkan trend penggunaan dan pola variasi kata kasar.

Jadual 2

Jenis Kata Kasar Berunsur Intelek Dalam Data

Bil.	Kata Kasar	Kekerapan	Peratus (%)
1.	bodoh	189	63.2
2.	bangang	41	13.7
3.	gila	30	10.0
4.	bahlul	12	4.0
5.	bebal	10	3.3
6.	bingai	8	2.7
7.	bongok	7	2.3
8.	bengap	2	0.7
Jumlah		299	100

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kata kasar *bodoh* mencatatkan kekerapan tertinggi, iaitu sebanyak 189 kali (63.2%), diikuti oleh kata *bangang* dengan 41 kali (13.7%) dan *gila* dengan 30 kali (10%). Kata-kata lain seperti *bahlul* direkodkan sebanyak 12 kali (4.0%), *bebal* 10 kali (3.3%), *bingai* 8 kali (2.7%), *bongok* 7 kali (2.3%) manakala kata kasar yang paling rendah penggunaannya ialah *bengap* yang hanya direkodkan sebanyak 2 kali (0.7%) daripada keseluruhan data.

Dapatan bukan sekadar menunjukkan perbezaan kekerapan penggunaan, sebaliknya mencerminkan hierarki kekuatan makna dalam kategori kata kasar berunsur intelek yang digunakan. Kata *bodoh* yang muncul paling dominan boleh dianggap sebagai bentuk ketidaksantunan yang paling umum dan paling mudah difahami dalam masyarakat bahasa Melayu, sekali gus menjadikannya pilihan utama apabila pengguna ingin menyerang identiti intelektual individu secara langsung. Dapatan ini juga memperlihatkan bahawa penggunaan kata kasar berunsur intelek dalam komen Facebook bukan berlaku secara rawak, sebaliknya menunjukkan kecenderungan pengguna untuk memilih bentuk leksikal yang mempunyai kesan pragmatik yang paling kuat. Dalam kerangka Teori Ketidaksantunan oleh Culpeper (2011), pemilihan kata seperti *bodoh* dan *bangang* boleh ditafsir sebagai strategi serangan terhadap imej diri (*face-threatening act*) yang menumpukan kepada aspek intelektual individu. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa kasar dalam media sosial bukan sekadar refleksi emosi spontan, tetapi merupakan satu bentuk tindakan bahasa yang disengajakan bagi merendahkan nilai kognitif dan status sosial individu yang menjadi sasaran.

Berdasarkan kerangka Teori Ketidaksantunan oleh Culpeper (1996; 2011), kata-kata ini dapat ditafsir sebagai ekspresi ketidaksantunan yang menyerang tahap intelektual individu, selari dengan fungsi pragmatik yang dilihat dalam konteks komen Facebook. Corak ini menunjukkan bahawa sesetengah kata lebih dominan digunakan oleh pengguna dalam interaksi mereka di Facebook, khususnya untuk menyampaikan kritikan atau merendahkan orang lain secara intelek. Penggunaan kata-kata ini juga mencerminkan keutamaan linguistik dalam masyarakat maya serta menunjukkan bahawa kata tertentu menjadi lebih lazim digunakan kerana mudah difahami, jelas maknanya dan mampu menimbulkan kesan emosi yang dikehendaki. Selain itu, dominasi beberapa kata tertentu juga memperlihatkan wujudnya proses konvensionalisasi dalam penggunaan bahasa kasar berunsur intelek dalam komunikasi digital. Kata seperti *bodoh* bukan sahaja digunakan secara kerap, tetapi juga digunakan dalam pelbagai konteks komen, sama ada untuk menyatakan kemarahan, kritikan sosial mahupun penolakan terhadap pandangan orang lain. Keadaan ini menunjukkan bahawa kata tersebut telah mengalami pengukuhan fungsi pragmatik, iaitu daripada sekadar kata makian kepada satu bentuk strategi retorik yang stabil dalam wacana media sosial. Fenomena ini selari dengan pandangan Culpeper (2011) yang menegaskan bahawa ketidaksantunan dalam komunikasi moden sering berlaku secara sistematik dan bukan lagi bersifat tidak sengaja.

Dominasi kata *bodoh* misalnya menunjukkan strategi komunikasi maya yang menekankan ketidaksantunan intelektual, iaitu pengguna menyerang kemampuan berfikir sasaran (Culpeper, 2011). Selain itu, perbezaan kekerapan ini memberi gambaran tentang penerimaan sosial terhadap setiap kata, menunjukkan bahawa beberapa istilah lebih diterima secara umum oleh komuniti pengguna Facebook. Analisis ini memberikan asas yang kukuh untuk memahami kedudukan dan fungsi kata kasar dalam komunikasi digital dari perspektif pragmatik dan sosiolinguistik. Antara contoh penggunaan kata-kata kasar dalam komen pengguna di platform Facebook ialah:

*“Kau tunggu keadilan mari. Muka ko pun tkdkade muka lepasni. **Bodoh** punya orang jgn rasa banga laa **bingai** pukul orang oku.”* (FB05)

*“Memang OTAK LEMBU nak TAU HAL LEMBU AJE LAIN DARI ITU JAGN???
KENAPALAH **BODOH BANGANG BAHLOL** SOMBONG NYA !!!! Tinggal
sorang2 dlm GUA PRO CABUK INI6” (FB06)*

Penggunaan gabungan beberapa kata kasar dan pengulangan huruf besar menegaskan intensiti ketidaksantunan, sejajar dengan definisi Culpeper (2011) tentang ungkapan yang menyinggung identiti dan keupayaan individu. Antara contoh penggunaan kata-kata kasar berunsur intelek dalam komen pengguna seperti yang diperlihatkan di atas menunjukkan bahawa istilah seperti *bodoh*, *bangang*, *bingai* dan *bahlul* digunakan bukan sekadar untuk mengekspresikan kemarahan atau ketidakpuasan, tetapi juga untuk memberi penekanan dan intensiti kepada mesej yang disampaikan. Komen pertama (FB05) menampilkan gabungan beberapa kata kasar dalam satu ayat yang sama, menunjukkan pengguna berusaha menegaskan kritikan mereka terhadap tindakan atau sikap individu yang menjadi sasaran. Manakala komen kedua (FB06) pula menggunakan huruf besar, tanda seru berulang dan pengulangan kata kasar menandakan penekanan emosi yang lebih dramatik dan intensif dalam interaksi digital. Corak ini menunjukkan bahawa kata kasar berunsur intelek berfungsi sebagai alat komunikasi yang berkesan untuk menyampaikan kekecewaan, kritikan sosial dan ekspresi negatif secara langsung tanpa terikat kepada norma kebahasaan standard yang biasanya membatasi cara ungkapan disampaikan. Selain itu, data ini mencerminkan bahawa bahasa kasar berunsur intelek berperanan sebagai medium yang membolehkan pengguna menyalurkan ketidakpuasan sosial dalam wacana maya, sekaligus menunjukkan kebergantungan pada istilah yang dikenal pasti sebagai lebih kuat dari segi impak pragmatik dan sosial.

Di samping itu, perbezaan kekerapan penggunaan antara kata kasar yang direkodkan turut mencerminkan perubahan nilai sosial terhadap bahasa tidak santun dalam masyarakat digital. Kata yang mencatatkan kekerapan tinggi boleh dianggap sebagai bentuk yang lebih diterima atau lebih dinormalisasikan dalam interaksi media sosial, manakala kata yang kurang digunakan menunjukkan bahawa tidak semua bentuk bahasa kasar mempunyai tahap penerimaan sosial yang sama. Hal ini membuktikan bahawa bahasa kasar berunsur intelek bukan sahaja mengalami perubahan dari segi penggunaan, tetapi juga dari segi nilai konotatif dan fungsi pragmatik dalam komunikasi digital. Oleh itu, dapatan ini mengukuhkan hujah bahawa perubahan penggunaan bahasa kasar dalam media sosial berkait rapat dengan perubahan norma komunikasi dalam masyarakat semasa.

VARIASI KATA KASAR DALAM MEDIA SOSIAL FACEBOOK

Berdasarkan data, terdapat pelbagai bentuk variasi kata kasar berunsur intelek yang digunakan oleh komuniti maya. Variasi ini melibatkan perubahan ejaan, penambahan huruf, pengguguran huruf serta penggunaan imbuhan yang menghasilkan bentuk kata baharu. Variasi ini bukan sahaja mencerminkan kreativiti linguistik pengguna tetapi juga menunjukkan pengguna memilih bentuk kata yang sesuai dengan konteks interaksi dan norma komuniti digital. Fenomena ini memperlihatkan bahawa bahasa dalam media sosial tidak lagi terikat sepenuhnya kepada bentuk standard, sebaliknya berkembang mengikut keperluan komunikasi yang lebih spontan, emosional dan berorientasikan kesan pragmatik. Jadual 3 menunjukkan senarai kata kasar berunsur intelek yang disusun mengikut abjad beserta variasinya yang dikenal pasti dalam data kajian.

Jadual 3

Variasi Kata Kasar Berunsur Intelek dalam Data

Bil.	Kata Kasar	Variasi Kata
1.	bodoh	bodo, bodoooo, bodohhhh, bodohhhhh, doooooooooo, bodohkan, bodohnya, bodohnye, kebodohan, kebodohnya, memperbodohkan
2.	bangang	banggang, vanguard
3.	bengap	benggap
4.	bongok	ngok
5.	bebal	-
6.	bahlul	bahalul, bahalol
7.	bingai	bingaiii, binggaiiii
8.	gila	gilaa, gilee, gile, giler, gilo, gilak

Data menunjukkan bahawa kata kasar berunsur intelek *bodoh* menunjukkan variasi bentuk yang paling pelbagai dan kerap digunakan. Keperibagaian ini wujud melalui beberapa mekanisme linguistik, iaitu perubahan ejaan seperti *doooooooooo*, pengulangan aksara seperti *bodohhhh* dan *bodoooo* serta pembentukan kata terbitan seperti *bodohkan* dan *memperbodohkan*. Fenomena ini menggambarkan kreativiti linguistik pengguna dalam mengadaptasi bahasa standard kepada keperluan komunikasi digital yang lebih ekspresif. Variasi sedemikian bukan sahaja mencerminkan kebebasan penggunaan bahasa dalam ruang maya malah turut memperkaya inventori leksikal bahasa kasar dalam wacana dalam talian Malaysia. Keperibagaian bentuk kata ini menekankan bahawa bahasa kasar berunsur intelek berfungsi sebagai alat untuk menegaskan mesej, menyalurkan kritikan atau ketidakpuasan dan membina identiti sosial penutur dalam konteks interaksi maya yang kompleks, sambil mengekalkan kesan pragmatik yang jelas dan difahami oleh komuniti digital.

Selain itu, keperibagaian variasi bagi kata *bodoh* juga menunjukkan bahawa kata tersebut telah mencapai tahap konvensionalisasi dalam wacana digital, iaitu satu bentuk bahasa yang bukan sahaja digunakan secara meluas tetapi turut mengalami peluasan fungsi dari segi bentuk dan makna. Dalam perspektif sosiolinguistik, situasi ini menunjukkan bahawa pengguna media sosial tidak sekadar menggunakan kata kasar secara spontan, tetapi secara sedar memanipulasi bentuk bahasa bagi menghasilkan kesan emosi yang lebih kuat dan lebih dramatik. Hal ini turut membuktikan bahawa variasi bahasa dalam media sosial berfungsi sebagai strategi komunikasi yang berkait rapat dengan identiti sosial, kedudukan penutur serta konteks interaksi yang berlaku.

Fenomena yang sama turut dapat dilihat pada kata kasar berunsur intelek *gila* yang menunjukkan variasi yang agak beragam seperti *gilaa*, *gilee*, *gile*, *giler*, *gilo* dan *gilak* yang memperlihatkan bahawa intensiti emosi dan konteks mesej mempengaruhi bentuk kata yang dipilih. Sementara itu, kata kasar berunsur intelek yang lain seperti *bangang*, *bengap*, *bongok*, *bebal*, *bahlul* dan *bingai* menunjukkan corak variasi yang lebih terhad. Perubahan yang direkodkan melibatkan perubahan ejaan seperti *banggang* dan *vanguard*, pengulangan aksara seperti *bingaiii* dan *binggaiiii* serta penghilangan huruf seperti *ngok* untuk *bongok*. Strategi variasi ini berfungsi sebagai alat retorik yang membolehkan pengguna mencapai kesan dramatik dalam komunikasi digital mereka. Analisis ini menegaskan bahawa variasi bentuk bahasa kasar dalam wacana digital bukan fenomena kebetulan, tetapi sebahagian daripada strategi

komunikasi yang memanfaatkan norma sosial, konteks interaksi dan impak pragmatik untuk mencapai tujuan komunikatif yang diinginkan.

Perbezaan tahap variasi antara setiap kata juga menunjukkan bahawa tidak semua kata kasar mempunyai kekuatan pragmatik yang sama dalam komuniti digital. Kata yang lebih dominan seperti *bodoh* dan *gila* cenderung mengalami lebih banyak variasi kerana kata tersebut lebih mudah difahami, lebih neutral dari segi struktur dan lebih fleksibel untuk diubah suai mengikut konteks emosi. Sebaliknya, kata seperti *bengap* atau *bebal* menunjukkan variasi yang lebih terhad kerana pengguna mungkin kurang menggunakannya dalam interaksi harian. Hal ini membuktikan bahawa perkembangan variasi kata kasar berkait rapat dengan tahap kekerapan penggunaan dan penerimaan sosial dalam komuniti maya. Antara contoh penggunaan kata-kata ini dalam komen pengguna ialah:

*"Itu buku dia, bukan buku isleh la **ngok**...."* (BQ_FB05)

*"Bro Dean Jb KEPALA BAPAK KAU, yang TAK BACA tu ENGKAU! KAU RETI ENGLISH ke? Ke SAMA **BAHALOL** jugak sekor?"* (FB06)

*"nak dijadikan asbab puak K je ni, lpstu politik kan bnde ni. **Bodohhhh**"* (FB08)

Analisis terhadap komen FB05, FB06 dan FB08 memperlihatkan kepelbagaian variasi bentuk kata kasar berunsur intelek yang digunakan oleh pengguna dalam interaksi maya. Dalam komen FB05, kata *ngok* digunakan sebagai bentuk singkatan atau pengubahan kata *bongok* untuk memberi impak retorik dan penekanan emosi. Komen FB06 pula menampilkan kata *BAHALOL* dengan ejaan huruf besar dan pengulangan serta gabungan kata kasar lain menekankan intensiti kemarahan dan kritikan terhadap individu yang disasarkan. Sementara itu, dalam komen FB08, pengulangan huruf dalam kata *bodohhhh* menambah dramatik dan menegaskan rasa ketidakpuasan pengguna. Corak ini menunjukkan bahawa pengguna menyesuaikan bentuk kata kasar melalui ejaan, pengulangan huruf atau perubahan struktur kata untuk menyampaikan mesej secara lebih ekspresif dan difahami dengan jelas oleh komuniti maya. Fenomena ini menekankan bahawa variasi bentuk kata kasar bukan sekadar gaya bahasa spontan, tetapi juga strategi pragmatik yang membolehkan pengguna mengekspresikan kritikan, sindiran dan ketidakpuasan sosial dengan cara yang berkesan dan sesuai konteks interaksi digital.

Daripada perspektif pragmatik, variasi bentuk bukan sekadar perubahan ejaan semata-mata, tetapi berfungsi sebagai penanda emosi dan penegasan makna dalam komunikasi digital. Pengulangan huruf, penggunaan huruf besar dan singkatan kata menunjukkan bahawa pengguna cuba menonjolkan nada suara, tekanan emosi dan sikap terhadap individu yang disasarkan walaupun komunikasi berlaku secara bertulis. Fenomena ini membuktikan bahawa penggunaan bahasa bertulis dalam media sosial berfungsi hampir menyerupai bahasa lisan, dengan variasi bentuk tulisan digunakan untuk menunjukkan aspek penekanan dan nada bagi tujuan menterjemahkan emosi.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini membuktikan sifat dinamik bahasa dalam ekosistem digital dengan variasi kata kasar berunsur intelek telah berkembang menjadi medium ekspresi kreatif yang selari dengan evolusi budaya komunikasi pengguna media sosial tempatan. Dapatan ini juga mengukuhkan pandangan bahawa bahasa dalam media sosial sentiasa mengalami perubahan yang dipengaruhi oleh faktor sosial, emosi dan identiti pengguna. Variasi kata kasar berunsur intelek bukan sahaja mencerminkan kreativiti linguistik, tetapi juga menunjukkan cara pengguna media sosial menyesuaikan bahasa bagi mencapai kesan komunikasi yang lebih kuat, lebih cepat difahami dan lebih berpengaruh dalam interaksi digital.

PROSES PEMBENTUKAN KATA KASAR DALAM FACEBOOK

Hasil analisis terhadap komen pengguna Facebook mendapati proses pembentukan kata kasar berunsur intelek dapat dikenal pasti melalui beberapa mekanisme linguistik utama. Proses-proses tersebut merangkumi penyingkatan, penggandaan, pengimbuhan dan peminjaman. Setiap proses ini memainkan peranan penting dalam pembentukan dan variasi kata kasar yang digunakan. Selain itu, data turut menunjukkan bahawa proses pembentukan kata kasar dipengaruhi oleh ciri-ciri digital komunikasi maya bertulis seperti kecepatan interaksi yang membolehkan komen dihantar secara pantas, dipermudahkan oleh kebebasan menggunakan bahasa tanpa pengawasan formal yang memberi ruang untuk variasi serta pendedahan kepada trend dan kandungan tular yang mempengaruhi pengguna untuk menyesuaikan kata kasar mengikut konteks penggunaan semasa. Jadual 4 berikut memperincikan proses pembentukan tersebut beserta contoh-contoh kata kasar berunsur intelek yang terlibat dalam setiap kategori yang dikenal pasti dalam kajian ini.

Jadual 4

Proses Pembentukan Kata Kasar Berunsur Intelek dalam Data

Bil.	Proses Pembentukan	Contoh Kata
1.	Penyingkatan	bodo, bodoooo, doooooooooo, ngok
2.	Penggandaan	bodo-bodo, gila-gila, gile-gile, banggang-banggang
3.	Pengimbuhan	bodohkan, kebodohan, kebodohnya memperbodohkan
4.	Peminjaman	idiot, WTF

Hasil kajian menunjukkan kata kasar berunsur intelek dalam komen pengguna Facebook terbentuk melalui beberapa proses pembentukan utama, iaitu penyingkatan, penggandaan, pengimbuhan dan peminjaman. Proses penyingkatan dapat dilihat melalui contoh seperti *bodo*, *bodoooo*, *doooooooooo* dan *ngok* dengan kata asal *bodoh* telah dipendekkan atau diubah ejaannya untuk menekankan emosi. Pengulangan huruf vokal dalam kata seperti *bodoooo* dan *doooooooooo* mencerminkan ciri digital, iaitu usaha pengguna untuk menggantikan intonasi suara secara visual dalam teks tulisan. Strategi ini juga membolehkan pengguna menyampaikan ejekan atau kritikan dengan lebih berkesan selain untuk menarik perhatian pembaca dalam ruang komunikasi maya yang bersifat pantas dan dinamik. Penyingkatan kata bukan sahaja menyerlahkan sifat ekonomi dalam penggunaan bahasa, tetapi juga ialah alat pragmatik yang membolehkan mesej menjadi lebih berkesan. Dari perspektif morfologi, strategi penyingkatan menunjukkan bahawa pengguna media sosial cenderung memanipulasi bentuk kata untuk menghasilkan kesan emosi yang lebih jelas. Hal ini membuktikan bahawa penggunaan bahasa dalam komunikasi di Facebook lebih menekankan fungsi komunikasi dan impak pragmatik terhadap pembaca. Dengan kata lain, perubahan bentuk kata seperti *bodo* atau *doooooooooo* bukan sekadar variasi ejaan, tetapi merupakan strategi komunikasi yang bertujuan menegaskan makna dan memperkuat kesan ketidaksantunan dalam interaksi digital.

Proses pengimbuhan pula melibatkan penambahan imbuhan pada kata dasar seperti pada contoh *bodohkan*, *kebodohan*, *kebodohnya* dan *memperbodohkan*. Imbuhan yang ditemui termasuk awalan seperti *ke-* dan *memper-* serta apitan seperti *ke-...-an*. Imbuhan akhiran *-kan* juga digunakan dalam kata *bodohkan*. Proses ini membolehkan pembentukan kata terbitan yang lebih spesifik dan berstruktur serta meningkatkan kepelbagaian bentuk dalam komunikasi digital. Pengimbuhan membolehkan pengguna mengekspresikan nuansa makna yang lebih halus, misalnya menunjukkan tindakan yang sedang

dilakukan terhadap seseorang (*memperbodohkan*) atau keadaan sifat (*kebodohan*), sekaligus memberikan dimensi pragmatik tambahan. Fenomena ini menunjukkan bahawa kreativiti bahasa digital bukan hanya pada tahap fonologi atau ejaan, tetapi juga melibatkan manipulasi morfologi untuk mencapai kesan komunikatif dan sosial yang diinginkan oleh pengguna. Hal ini membuktikan bahawa pengguna media sosial masih menggunakan sistem morfologi bahasa Melayu secara aktif walaupun komunikasi berlaku dalam bentuk tidak formal. Penggunaan imbuhan apitan seperti *ke-...-an* dan awalan *memper-* menunjukkan bahawa walaupun kata yang digunakan bersifat kasar, struktur pembentukannya masih mengikuti pola morfologi bahasa Melayu yang standard. Oleh itu, bahasa kasar dalam media sosial tidak boleh dianggap sebagai bahasa yang tidak teratur, sebaliknya merupakan bentuk bahasa yang masih berasaskan sistem linguistik yang jelas tetapi digunakan untuk tujuan komunikasi yang lebih ekspresif dan emosional. Antara contoh penggunaan kata-kata kasar melalui proses pengimbuhan dan penggandaan dapat dilihat dalam contoh berikut:

“Shahrul AR jangan nampak sgt **kebodohan** kurang cerdik kita...macam ko pulak yg OKU mental” (FB05)

“Wan Imran Wan Chik **banggang-banggang** jgn jadi MCM kau sudah barua DAP.. mesti banyak mentekedarah benda haram sbb tu bebal” (FB06)

Analisis terhadap komen FB05 dan FB06 menunjukkan kata kasar berunsur intelek yang terbentuk melalui proses pembentukan kata bahasa Melayu. Dalam komen FB05, kata *kebodohan* merupakan hasil daripada pengimbuhan, dengan apitan *ke-...-an* ditambah kepada kata dasar *bodoh* untuk membentuk kata terbitan yang menyatakan keadaan atau sifat. Kata *kurang cerdik* pula menunjukkan strategi eufemisme, namun tetap mengekalkan fungsi merendahkan secara intelek. Dalam komen FB06, pengulangan kata dalam bentuk *banggang-banggang* jelas menunjukkan proses penggandaan, yang menekankan intensiti kritikan terhadap individu yang disasar. Selain itu, kata *bebal* digunakan sebagai kata dasar, namun penggabungan dengan konteks kalimat memperlihatkan kesan dramatik tambahan. Akhir sekali, proses peminjaman kata juga dapat dilihat daripada kemunculan kata seperti *idiot* dan *WTF* yang diambil terus daripada bahasa Inggeris tanpa diterjemahkan. Kata-kata pinjaman ini digunakan untuk menambah kesan ekspresif atau dramatik dalam komen serta mencerminkan penggunaan istilah antarabangsa yang popular dalam media sosial.

Selain itu, proses penggandaan ditunjukkan melalui kata seperti *bodo-bodo*, *gila-gila*, *gile-gile* dan *banggang-banggang*. Penggandaan ini melibatkan pengulangan kata atau suku kata secara penuh yang berperanan menekankan maksud atau menyampaikan ejekan dan humor dalam mesej. Fenomena ini menegaskan bahawa penggunaan penggandaan ialah sebahagian daripada kreativiti bahasa digital yang menggabungkan ekspresi emosi, penegasan kritikan dan ciri retorik yang tersusun.

Proses-proses pembentukan kata kasar ini menegaskan bahawa pengguna media sosial bukan sekadar menyampaikan kritikan secara literal, tetapi menyesuaikan bahasa melalui pengimbuhan dan penggandaan untuk meningkatkan kesan pragmatik dan emosi. Fenomena ini mencerminkan kreativiti linguistik dalam wacana digital dengan setiap kata kasar dibentuk untuk mengekspresikan ketidakpuasan atau ejekan secara lebih berkesan, sesuai dengan norma dan konteks interaksi dalam komuniti maya. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa kata kasar berunsur intelek di Facebook bersifat dinamik dan fleksibel. Proses morfologi seperti penyingkatan, penggandaan, pengimbuhan dan peminjaman membolehkan pengguna menyesuaikan bahasa untuk menyampaikan kritikan. Strategi variasi ini memperkayakan inventori leksikal bahasa kasar dalam komunikasi digital di Malaysia dan menunjukkan kreativiti pengguna dalam menyesuaikan bahasa standard kepada konteks maya yang lebih ekspresif.

KESIMPULAN

Kajian mengenai variasi dan pembentukan kata kasar berunsur intelek dalam media sosial Facebook ini telah mencapai kedua-dua objektif yang ditetapkan. Melalui analisis terhadap 4,007 komen daripada tiga hantaran tular di Facebook dalam tempoh Januari hingga Mac 2025, kajian ini telah mengenal pasti lapan jenis kata kasar berunsur intelek utama yang digunakan dalam komunikasi digital masyarakat Malaysia. Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa pembentukan kata kasar dalam media sosial merupakan proses yang kompleks dan dinamik yang mencerminkan evolusi bahasa dalam era digital. Fenomena ini bukan sahaja menggambarkan kebebasan penggunaan bahasa dalam ruang maya, malah turut memperkaya inventori leksikal bahasa kasar dalam wacana dalam talian Malaysia. Namun begitu, dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa kebebasan bahasa dalam media sosial tidak bermaksud bahasa digunakan secara tidak teratur, sebaliknya variasi kata kasar yang dikenal pasti masih berpuadukan sistem linguistik bahasa Melayu seperti proses pengimbuhan, penggandaan dan perubahan bentuk kata.

Variasi bentuk ini membuktikan bahawa pengguna media sosial memanfaatkan sifat dinamik sistem bahasa untuk menyesuaikan ekspresi emosi mengikut konteks komunikasi digital. Pembentukan kata yang pelbagai ini juga mencerminkan kreativiti linguistik pengguna serta kecenderungan untuk menghasilkan bentuk bahasa yang lebih ekspresif, ringkas dan berkesan dalam menyampaikan makna. Selain itu, dapatan kajian turut memperlihatkan bahawa kata kasar berunsur intelek berfungsi sebagai strategi komunikasi yang mempunyai fungsi pragmatik yang jelas, khususnya dalam menyatakan ketidakpuasan, mengkritik dan merendahkan individu secara langsung dalam interaksi digital. Dominasi kata seperti *bodoh* dan *bangang* menunjukkan bahawa pengguna media sosial cenderung memilih bentuk kata yang paling mudah difahami dan mempunyai kesan emosi yang paling kuat. Hal ini membuktikan bahawa penggunaan bahasa kasar dalam media sosial bukan sekadar refleksi emosi spontan, tetapi merupakan satu bentuk tindakan bahasa yang disengajakan dalam wacana digital.

Dapatan kajian ini memberikan sumbangan kepada bidang linguistik dalam memahami perubahan bentuk komunikasi digital dan diharapkan dapat menyumbang kepada pengkayaan khazanah ilmu bahasa, khususnya dalam memahami pola pembentukan dan penggunaan kata kasar dalam wacana digital masyarakat masa kini. Kajian ini turut menunjukkan sifat dinamik bahasa dalam ekosistem komunikasi maya dengan variasi kata kasar berunsur intelek telah berkembang menjadi medium ekspresi kreatif yang selari dengan evolusi budaya komunikasi pengguna media sosial tempatan dan mencerminkan realiti linguistik masyarakat kontemporari. Secara khususnya, kajian ini memperlihatkan bahawa variasi kata kasar berunsur intelek dalam media sosial bukan sahaja berkaitan dengan aspek linguistik, tetapi juga berkait rapat dengan faktor sosial, identiti pengguna dan norma komunikasi dalam masyarakat digital. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa dalam media sosial berkembang seiring dengan perubahan budaya komunikasi masyarakat kontemporari.

PENGHARGAAN

Artikel ini dibiayai oleh penyelidikan GUP-2023-034 yang bertajuk Perubahan Normalisasi Bahasa dalam Komunikasi Internet.

SUMBANGAN PENGARANG

Kesemua bahagian dalam penulisan ini dihasilkan secara bersama oleh kedua-dua penulis.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Pengkaji membuat pengakuan bahawa tiada pertindihan kepentingan dalam penghasilan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (2007). *Asas linguistik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anni Holilah Syahuddin. (2024). Ungkapan kasar dalam media sosial makin berleluasa. <https://dewanbahasa.jendeladbp.my/2024/08/28/14832/>
- Culpeper, J. (1996). Towards an anatomy of impoliteness. *Journal of Pragmatics*, 25(3), 349–367. [https://doi.org/10.1016/0378-2166\(95\)00014-3](https://doi.org/10.1016/0378-2166(95)00014-3)
- Culpeper, J. (2011). *Impoliteness: Using language to cause offence*. Cambridge University Press.
- Darwalis Sazan. (2025). Kuasa dan ideologi visual satira politik dalam media sosial: Kajian berpandukan wacana kritis dan semiotik sosial. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 4(1), 35-52. <https://doi.org/10.32890/rentas2025.4.1.3>
- DataReportal. (2025). Digital 2025: Malaysia. *DataReportal – Global Digital Insights*. <https://datareportal.com/reports/digital-2025-malaysia>
- Dynel, M. (2015). The landscape of impoliteness research. *Journal of Pragmatics*, 86, 1–5. <https://martadynel.com/wp-content/uploads/2017/06/The-landscape-of-impoliteness-research.pdf>
- Hardaker, C. (2010). Trolling in asynchronous computer-mediated communication: From user discussions to theoretical concepts. *Journal of Politeness Research*, 6(2), 215–242. <https://knowledge.lancashire.ac.uk/id/eprint/4980/2/Hardaker%2C%20C.%202010.%20Trolling%20in%20ACMC.pdf>
- Hishamudin Isam (2025). Algospeak dan kebebasan bersuara: Strategi linguistik dalam menangani penapisan algoritma di media sosial X. *Jurnal Linguistik*, 29(2), 55–66. <https://plm.org.my/wp-content/uploads/2025/11/5.-Algospeak-dan-Kebebasan-Bersuara-Strategi-Linguistik-dalam-Menangani-Penapisan-Algoritma-di-Media-Sosial-X.pdf>
- Mohamad Zakuan Tuan Ibharim & Khairul Faiz Alimi. (2024). Subtitling Malay taboo language into English: The case of The Assistant (2022): *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 3(1), 121-143. <https://doi.org/10.32890/rentas2024.3.6>
- Nur Iffah Zulhairi & Junaidi Kasdan. (2022). Ungkapan makian dalam wacana politik dan kepemimpinan di Twitter: Analisis ketidaksantunan berbahasa. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(1), 1-16. <https://doi.org/10.17576/jws.v6i1.459>
- Pung, W. C., & Siti Nur Amira Mohd Faizal. (2023). Impoliteness on Twitter by Malaysians. *Trends in Undergraduate Research*, 6(1), 1–9. <https://doi.org/10.33736/tur.5476.2023>

- Suganda, D., Yuliawati, S., & Darmayanti, N. (2022). Expression of emotion as impoliteness markers in comment columns in Instagram Indonesia: A pragmatic study. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 1(1), 119-136. <https://doi.org/10.32890/rentas2022.1.4>
- Wan Mohd Muzani, A., & Mohammad Lotfie, M. (2024). Morphological neologisms: The emergence of social media slang on TikTok. *Sains Insani*, 9(1), 103–113. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol9no1.597>
- Widya Murti, R., Pratama, H., & Yulianto, H. J. (2024). Impoliteness strategies in online political discourse: A case study of Indonesian netizens' comments on TikTok. *English Education Journal*, 14(3), 428–439. <https://journal.unnes.ac.id/journals/eej/article/view/15973/2364>